

06/12/2000

Yang di-Pertuan Sarawak meninggal

SUBANG, Selasa - Yang di-Pertuan Negeri Sarawak, Tun Ahmad Zaidi Adruce Mohammed Noor, 76, (gambar) meninggal dunia di sini hari ini kerana penyakit buah pinggang dan arteri koronari.

Ahmad Zaidi menghembuskan nafas terakhir di Pusat Perubatan Subang Jaya di sini jam 6 pagi ini setelah dimasukkan ke pusat rawatan itu minggu lalu.

Anggota keluarga terdekat, termasuk isteri, Toh Puan Rosmiati Sulaiman, berada di sisi Allahyarham.

Jenazahnya diuruskan anak perempuannya di sini sebelum diterbangkan ke Kuching petang ini. Istiadat pengkebumian akan diadakan di Tanah Perkuburan Islam Samariang di Petra Jaya, Kuching jam 11 pagi esok.

Ahmad Zaidi meninggalkan 12 anak, 36 cucu dan 12 cicit.

Di Kuching, Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud mengumumkan berita itu kepada seluruh rakyat Sarawak melalui siaran RTM Sarawak.

Jenazah Yang di-Pertuan Negeri itu akan dibawa ke balai Astana Negeri untuk membolehkan pembesar negeri termasuk dari negeri lain dan orang ramai memberikan penghormatan terakhir.

Berikutan itu, Sarawak berkabung selama tujuh hari dengan bendera dikibarkan separuh tiang dan acara rasmi kerajaan dibatalkan.

Antara yang menziarahi jenazah Allahyarham di Subang Jaya pagi ini ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri; Pemangku Raja Selangor Tengku Idris Shah; Pemangku Raja Muda Perak Raja Nazrin Shah; Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin dan Menteri Pertanian Datuk Effendi Norwawi.